

# Diplomasi matang di Laut China Selatan

29/1/2017 4:18 PM

**K**ETIKA hampir seluruh pemerhati politik global memberi tumpuan kepada minggu pertama Donald Trump di White House, perkembangan yang cukup menarik telah berlaku di Asia. Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein sewaktu menyampaikan ucapan dalam Forum Fullerton 2017 yang dianjurkan di Singapura baru-baru ini telah meletakkan tiga batu asas paradigma baharu dalam isu perselisihan di Laut China Selatan.

Sememangnya diketahui bahawa wilayah perairan strategik yang kaya dengan sumber perikanan dan hidrokarbon ini seringkali disebut-sebut sebagai medan penentuan politik kuasa besar dunia. Malah, persaingan AS-China dilihat sejak sekian lama telah mencorakkan tindak balas negara-negara di wilayah berkenaan seperti Malaysia, Vietnam, Filipina, Taiwan, serta Brunei.

Maka, bagaimanakah ucapan Hishammuddin dalam Forum Fullerton ini hadir menawarkan solusi terbaru dalam isu Laut China Selatan?

Pertama, beliau menggesa agar kesemua pihak tidak melihat kepada soal siapa menang atau siapa kalah (*zero-sum*) dalam menyelesaikan isu Laut China Selatan. Seruan ini cukup segar dalam menanggapi pelbagai pertindihan tuntutan di Laut China Selatan atas beberapa faktor seperti perebutan sumber perikanan, sumber hidrokarbon, dan juga perebutan laluan komunikasi laut (SLOC).

Perlu diketahui bahawa usul ini selari dengan kajian sarjana dari Universiti of Bonn, Jerman yang kini menyandang Kursi Pok Rafeah di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Prof. Emeritus Hans-Dieter Evers. Beliau menganalisis bahawa pendekatan ala pemilikan strata maritim (MST) boleh dijalankan di Laut China Selatan.

Pendekatan *positive-sum* itu mewujudkan situasi menang-menang buat kesemua negara yang terlibat tanpa meminggirkan mana-mana negara dalam perkongsian dan pengagihan ketiga-tiga sumber berkenaan.

Bukan itu sahaja, Hishammuddin turut mengajukan anjakan paradigma kedua apabila menyeru agar pendekatan *Binari Manichean*, yakni paksaan untuk hanya memilih satu antara dua - Timur atau Barat, AS atau China, Liberalisme atau Populisme - perlu

## ABDUL MUEIN ABADI



untuk ditolak.

Hal ini demikian kerana perspektif dikotomi jumud sedemikian adalah bertentangan dengan tradisi unik Asia yang subur dengan kepelbagaian budaya dan sistem yang wujud bersama sejak sekian lama.

Pendekatan sedemikian juga mendatangkan masalah kepada sebarang usaha bagi mewujudkan kerjasama serta institusi pelbagai hala yang inklusif dalam mencapai keamanan di Laut China Selatan.

### Relevan

Paradigma diplomasi baharu yang dianjurkan Malaysia ini cukup relevan dalam meredakan sebarang potensi pertembungan yang lebih parah.

Hal ini terbukti apabila salah seorang calon Kabinet pilihan Presiden Trump bertindak mencetuskan ketegangan baru-baru ini. Presiden AS ke-45 berkenaan telah melantik Rex Tillerson, bekas CEO Exxon-Mobil sebagai Setiausaha Negara AS.

Dalam sesi di hadapan panel Senat AS, Tillerson menyatakan pendirian bahawa pembinaan pulau buatan oleh China yang kontroversi di Laut China Selatan

perlu dihentikan, dan AS akan berusaha bagi memastikan Beijing tidak akan mengakses pulau-pulau buatan yang menempatkan kemudahan ketenteraan berkenaan menerusi 'hadangan tentera laut'.

Sekiranya difikirkan secara logik kepentingan diri semata-mata, pastinya negara-negara kecil di Asia Tenggara, termasuklah Malaysia, mengalu-alukan kenyataan keras Rex Tillerson ini bagi mengimbangi hegemoni China di Laut China Selatan.

Namun hal ini tidak berlaku. Faktanya, Malaysia pada waktu ini menguasai beberapa terumbu di kawasan Spratly seperti Terumbu Siput, Terumbu Peninjau, Terumbu Ubi, Terumbu Mantanani, dan Pulau Layang-layang.

China sememangnya menuntut penguasaan kesemua terumbu dan batuan di Kepulauan Spratly namun Beijing tidak pernah menyerang kawasan yang diduduki Malaysia, melainkan beberapa siri penerobosan kapal pengawal pantai serta nelayan China di perairan Sarawak berhampiran Beting Patinggi Ali serta Beting Serupai sejak 2013.

Malah, Malaysia bukan sahaja berhadapan dengan tuntutan dari China, tetapi juga dari negara jiran seperti Vietnam yang

menduduki Pulau Amboyna Kecil serta Filipina yang menduduki Terumbu Laksamana yang dianggap sebagai berada dalam wilayah perairan Malaysia.

Berbanding China, Vietnam sebenarnya memiliki sejarah yang lebih agresif kerana pernah bertindak memusnahkan penanda Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Pulau Amboyna pada 1978.

Namun ternyata Hishammuddin kini memilih jalan penyelesaian aman dan pelbagai hala, bukannya agresif dan sehalu. Beliau seterusnya mengutarakan peralihan paradigma ketiga apabila menyeru ASEAN agar bergerak ke hadapan dan tidak bergantung kepada kuasa besar semata-mata.

Memetik ucapan beliau, "Mungkin tiba masanya ASEAN mengambil cabaran ini dalam mengisi kekosongan berkenaan (yang ditinggalkan akibat pengunduran komitmen AS)". Perlu diketahui bahawa Hishammuddin sebelum ini menerajui usaha diplomasi pertahanan dengan kedua-dua pihak Washington dan juga Beijing.

Pada tahun 2016 beliau telah menandatangani MoU dengan Jeneral Chang Wanquan yang melibatkan pemerolehan serta kerjasama pembinaan aset ketenteraan dengan China.

Sedangkan dalam tahun yang sama juga beliau turut melawat kapal induk pesawat udara Kelas Nimitz milik AS, iaitu USS Theodore Roosevelt bersama-sama dengan bekas Setiausaha Pertahanan AS, Ashton Carter di Laut China Selatan.

Menerusi ucapan beliau di Singapura baru-baru ini, strategi diplomasi terkini yang lebih memfokuskan kepada Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) jelas dapat dilihat. Malah hal ini sebenarnya sudah mula direncanakan beliau melalui inisiatif perjanjian tiga hala Malaysia-Indonesia-Filipina dalam mengawal keselamatan serta pertikaian berhampiran Laut Sulu.

Dengan pelantikan Trump sebagai Presiden AS bakal disusuli pula dengan Kongres Kebangsaan Parti Komunis China, langkah proaktif Malaysia memposisikan ASEAN sebagai peneraju isu Laut China Selatan dilihat tepat pada waktunya.

■ Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



"Mungkin tiba masanya ASEAN mengambil cabaran ini dalam mengisi kekosongan berkenaan (yang ditinggalkan akibat pengunduran komitmen AS)."